

01 MAR 1999

Sabah-Dompok

MENGENDALI PERKONGSIAN KUASA CABARAN TERBESAR SAYA, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 1 Mac (Bernama) -- Tan Sri Bernard Dompok berkata mengendalikan proses perkongsian kuasa di negeri ini merupakan "cabaran terbesar" beliau sejak dilantik ketua menteri di bawah sistem penggiliran jawatan pada Mei tahun lalu.

"Sebagai Ketua Menteri, Saya harus memastikan bahawa konsep perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional (BN) negeri berjalan lancar dan saya berpendapat ia berjalan dengan baik. Inilah cabaran terbesar saya," kata beliau kepada para editor media pada majlis jamuan tengah hari di sini hari ini.

Beliau berkata walaupun Umno mempunyai 21 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri yang dibubar Isnin lepas, mengatasi bilangan kerusi parti-parti lain termasuk Parti Demokratik Sabah (PDS) pimpinannya iaitu 11 kerusi, Umno tidak menimbulkan banyak masalah.

Ketika menjawab satu soalan, Dompok berkata memang benar Datuk Yong Teck Lee menghadapi "sedikit masalah" mengendalikan Umno tetapi ini kerana Umno Sabah mempunyai dua ketua ketika itu.

Datuk Osu Sukam menjadi menteri persekutuan di Kuala Lumpur sementara Timbalan Ketua Menteri Sabah ketika itu Datuk Ghapur Salleh mengendalikan urusan harian Umno di negeri itu.

Dompok berkata bahawa untuk menangani masalah itu, beliau meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa balik Osu ke Sabah dan ini dilakukan hanya sebulan selepas beliau (Dompok) dilantik ketua menteri berikutan peletakan jawatan Ghapur secara mengejut.

Dompok berkata satu lagi contoh bahawa konsep perkongsian kuasa berjalan lancar di negeri ini ialah persetujuan Umno menerima 24 kerusi berhubung dengan pengagihan kerusi di kalangan parti komponen "walaupun parti itu mahukan lebih daripada 24 kerusi" untuk bertanding.

Daripada 48 kerusi itu, Umno memperolehi 24, PDS 12, Parti Maju Sabah (SAPP) lima, Akar (dua), Parti Bersatu Rakyat Sabah (dua), Parti Liberal Demokratik (LDP) (satu) dan MCA satu.

Dompok juga berkata Kuala Lumpur tidak banyak mencampuri perjalanan pentadbiran kerajaan negeri kecuali jika perlu "apabila Dr Mahathir akan bertindak sebagai pengadil".

"Beliau akan meniup wisel apabila perlu tetapi jika tidak perlu, Kuala Lumpur tidak mempunyai sebab untuk mencampuri urusan hal ehwal Sabah," kata Ketua Menteri.

Dompok lalu menarik perhatian kepada hubungan rapat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sambil berkata sebenarnya Perdana Menteri mahukan beliau membubarkan Dewan Undangan Negeri lebih awal tetapi beliau tidak bersetuju.

"Sebenarnya, Dr Mahathir boleh mengarahkan saya membubarkan dewan tetapi beliau tidak berbuat demikian. Selepas mendengar alasan saya, Perdana Menteri bersetuju," kata Dompok yang membubarkan dewan Isnin lalu untuk membolehkan pilihan raya negeri kesembilan diadakan.

Ketika ditanya mengenai kuasa begitu banyak yang ada pada orang yang menyandang jawatan Ketua Menteri di negeri seperti Sabah yang kaya dengan pelbagai sumber asli, Dompok berkata memang baik kuasa begitu banyak dikawal melalui pindaan Perlembagaan Negeri sejurus selepas kerajaan BN negeri mengambil alih tampok pemerintahan.

"Jika tidak, ketua menteri sendiri boleh meluluskan beratus-ratus ribu hektar konsesi balak kepada syarikat. Sekarang kuasa seperti itu terletak

bukan pada ketua menteri tetapi pada Kabinet negeri.

"Saya berasa lega kerana beban tanggungjawab itu tidak lagi dipikul oleh seorang tetapi berpindah kepada anggota-anggota Kabinet negeri"

Ketika berucap kemudian, Dompok menyambut baik kehadiran media tempatan dan antarabangsa di Sabah dan berharap semoga mereka "membuat liputan dengan baik" semasa pilihan raya negeri.

Dompok menyifatkan pilihan raya negeri kali ini amat menarik sambil berkata kepada para wartawan, "kamu semua mempunyai banyak bahan berita untuk ditulis".

Ketua Menteri berkata beliau yakin bahawa pilihan raya negeri kali ini juga tidak kurang menariknya seperti pilihan raya-pilihan raya negeri sebelumnya.

" Walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi, pilihan raya negeri Sabah kali ini akan menjadi tumpuan," kata beliau.

Nasihatnya kepada para pengundi: " Ini ialah peluang bagi mereka untuk memberi sokongan kepada BN yang berusaha untuk membangunkan Sabah demi kepentingan seluruh rakyat supaya tiada masyarakat yang berasa tertinggal dalam arus pembangunan.

Ketika ditanya berapa banyakkah wang yang akan dibelanjakan oleh parti-parti komponen BN bagi menggerakkan jentera pilihan raya, beliau berkata: " Oleh kerana kegawatan ekonomi, kita cuma akan berbelanja ala kadar sahaja."

Beliau berkata, apa pun tidak boleh dilakukan tanpa wang dan untuk tujuan ini, amatlah sukar untuk mengadakan pilihan raya tanpa peruntukan yang besar.

Ketika ditanya apakah maknanya pilihan raya negeri itu kepada beliau secara peribadi, Dompok berkata: " Inilah peluang bagi saya untuk mengetuai BN Sabah dan detik yang paling gembira dalam hidup saya".

-- BERNAMA

AU FAZ